

Malaysia-Jepun tingkat kerjasama teroka angkasa lepas

Um - 24/5/2007

Daripada AZNAN BAKAR

TOKYO 23 Mei - Kerjasama Malaysia dan Jepun dalam bidang aeroangkasa terutama membabitkan penyelidikan penerokaan angkasa lepas akan ditingkatkan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, Jepun mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut dan melalui peningkatan kerjasama ia dapat membantu Malaysia dalam penerokaan angkasa lepas.

"Apa juga bentuk kerjasama yang diperlukan antara Jepun-Malaysia dalam bidang sains angkasa kerajaan sedia memberi sokongan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia ketika ditemui selepas melawat Pusat Angkasa Lepas Tsukuba yang dikendalikan oleh Agensi Penerokaan Angkasa Lepas Jepun (JAXA) di sini, hari ini.

Pada lawatan itu, Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira dua jam meninjau kemudahan yang terdapat di pusat tersebut.

Perdana Menteri turut diberi penerangan tentang operasi pusat tersebut yang mengendalikan segala aktiviti dan penyelidikan mengenai angkasa lepas di Jepun oleh Presiden JAXA, Keiji Tachikawa.

Abdullah turut dibawa melawat secara dekat modul stesen angkasa lepas Jepun yang bakal dilancarkan untuk dilekatkan pada Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).

Penerokaan

Menurut Perdana Menteri, melalui lawatan itu beliau melihat apa yang tidak pernah dilihat sebelum ini dalam penyelidikan penerokaan angkasa lepas dan ia menjadi pembuka mata kepada Malaysia untuk memahami apa yang dilaksanakan di sini.

"Pusat ini sudah berusia 37 tahun dan mereka memang mempunyai banyak pengalaman," katanya.

Difahamkan pusat itu telah mengendalikan pelancaran lapan sa-

telit ke orbit bumi dengan yang pertama pada tahun 1975.

Ia juga telah melahirkan lapan angkasawan termasuk dua wanita dengan lima daripada mereka telah berpengalaman ke angkasa lepas. Tiga lagi bakal menyusul.

Ditanya sama ada Malaysia akan menghantar rakyatnya menjalani latihan dalam bidang penerokaan angkasa lepas di pusat tersebut, Perdana Menteri berkata, ia sedang berjalan kerana memang sudah terdapat kerjasama antara JAXA dengan agensi-agensi yang berkaitan di Malaysia.

Sementara itu, Perdana Menteri juga menghadiri majlis jamuan diberikan oleh Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Mohd. Radzi Abdul Rahman di sini malam ini.

Jamuan itu diadakan sempena lawatan kerja Abdullah selama lima hari ke Jepun bermula Isnin lepas.

Abdullah dijadual menyampaikan ucapan di Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-13 mengenai Masa Depan Asia, esok.

- Utusan



ABDULLAH Ahmad Badawi diberikan penerangan mengenai stesen angkasa lepas yang masih dalam pembinaan ketika beliau mengadakan lawatan ke Agensi Penerokaan Angkasa Lepas Jepun (JAXA) sempena lawatannya ke Jepun di Tokyo, semalam.

- Bernama